

11/01/2002

'PBB tidak akan selesaikan kepincangan Untaet'

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas Ketua Staf Pentadbiran Peralihan PBB di Timor Timur (Untaet), Datuk N Parameswaran, yakin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak akan menyelesaikan kepincangan dalam pentadbiran misi itu.

Beliau berkata, ini kerana setakat ini, tiada wakil PBB berjumpa atau memanggilnya untuk mendapat penjelasan berhubung dakwaannya.

"Hari ini saya menerima sepucuk surat daripada PBB yang menyatakan penghargaan terhadap usaha saya selama ini serta menyatakan isu yang dibangkitkan sedang dibincangkan.

"Tapi saya sendiri tidak pernah dipanggil untuk memberi penjelasan.

"Mungkin hal ini akan dibiarkan begitu saja selepas saya meninggalkan Untaet," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di Dili, hari ini.

Pada 21 Disember lalu, Parameswaran meletakkan jawatan dalam Untaet walaupun kontraknya ada lapan hari lagi selepas mendakwa agensi itu menjadi "misi kulit putih".

Dalam suratnya kepada Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, beliau mendakwa "Untaet sudah menjadi misi kulit putih yang keterlaluan, misi Timur dengan wajah Barat".

Parameswaran berkata, beliau berhasrat meletakkan jawatan sejak Oktober lalu tetapi menangguhkannya sehingga selesai tugas.

Katanya, 68 rakyat Malaysia yang bertugas dalam misi itu juga mengetahui hasratnya itu.

Bagaimanapun, beliau yakin keputusannya tidak menjejaskan semangat rakyat Malaysia yang bertugas dalam misi berkenaan.

Ditanya sama ada beliau menjadi mangsa misi itu, Parameswaran berkata, beliau tidak mempedulikan perkara itu sejak bertugas lebih dua tahun lalu.

Beliau juga berpendapat, perlu ada orang Asia peringkat tinggi dalam Untaet kerana mereka lebih mudah diterima rakyat tempatan.

Sepanjang kerjaya lebih 33 tahun di Wisma Putra, beliau berkhidmat di New York pada 1973 hingga 1975 dan Geneva (1986-1990), dengan sebahagian tugasnya berkaitan PBB.

Sementara itu, beliau berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai perkara itu membuktikan kerajaan menyokong pandangannya.

"Saya berharap akan berlaku sedikit perubahan selepas dakwaan itu dikemukakan.

"Bagaimanapun saya tidak pasti ia akan berlaku atau tidak," katanya yang akan berlepas pulang ke Malaysia, Ahad ini.

(END)